

## KESEDARAN MASYARAKAT ISLAM BERKAITAN ISU-ISU SEMASA DALAM PENYUSUAN

Nora'nan Bahari

Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
E-mel: [norainan@kuis.edu.my](mailto:norainan@kuis.edu.my)

Zanariah Dimon

Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
E-mel: [zanariah@kuis.edu.my](mailto:zanariah@kuis.edu.my)

Norita Kamaruddin

Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
E-mel: [norita@kuis.edu.my](mailto:norita@kuis.edu.my)

Nurhayati Abd. Ghani

Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
E-mel: [Nurhayati.ag@kuis.edu.my](mailto:Nurhayati.ag@kuis.edu.my)

### Abstrak

*Penyusuan bukan sahaja digalakkan dalam Islam tetapi diakui kebaikannya oleh seluruh lapisan masyarakat dalam pelbagai budaya. Perkembangan isu terkini berkaitan dengan penyusuan di tempat terbuka (public nursing) seperti berswafoto semasa menyusu melibatkan bukan sahaja orang bukan Islam tetapi juga orang Islam sedangkan perlakuan ini adalah bertentangan dengan adab penyusuan dalam Islam telah menimbulkan persoalan tentang sejauhmana kefahaman masyarakat dalam topik ini. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum isu-isu semasa berkaitan derma susu dan penyusuan di tempat awam. Kajian dilakukan secara lapangan dengan menggunakan rekabentuk kuantitatif secara kaedah tinjauan dengan menggunakan metode persampelan rawak. Data dikumpulkan melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada seramai 400 orang responden melibatkan tiga lokasi di negeri Selangor iaitu di zon utara (daerah Hulu Selangor), zon tengah (daerah Klang) dan zon selatan (daerah Sepang). Data kemudian dianalisis menggunakan Statistical Package for The Sosial Sciences (SPSS) versi 22. Dapatan kajian menunjukkan para responden mempunyai tahap kesedaran yang memuaskan berkaitan isu-isu semasa berkaitan penyusuan dengan purata nilai min 3.14 – 3.26. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Selangor prihatin mengenai hukum dan adab penyusuan serta isu yang berkaitan dengannya.*

**Kata kunci:** Kesedaran, Masyarakat Islam, Isu Semasa, Adab, Penyusuan

### 1. Pendahuluan

Setiap bayi yang dilahirkan memerlukan penyusuan yang sempurna bagi menjamin kesihatan mereka. Ini terbukti dengan ayat-ayat dari al-Qur'an yang memberikan tanggungjawab kepada ibu bapa bagi memastikan anak mereka mendapat penyusuan yang sempurna dari awal kelahiran sehingga sampai tempoh yang dinyatakan berdasarkan firman Allah SWT:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنِمَّ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ  
وَكَسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ وَعَلَى  
الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ  
تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا  
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ .

Maksudnya:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.”

al-Baqarah (2): 233

Para pengkaji dalam bidang sains juga turut mengakui kebenaran al-Qur'an berkaitan kebaikan dan kelebihan penyusuan susu ibu dengan terbuiktinya dari pelbagai bentuk kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa susu ibu adalah makanan terbaik buat bayi berbanding makanan yang diproses.

Bagaimanapun dalam Islam, amalan ibu susuan memberi implikasi kepada perbincangan hukum syarak berkaitan ibu, bapa, anak, tempoh penyusuan dan kaedah serta kesan yang melibatkan perkahwinan, aurat, hak dan tanggungjawab dan upah penyusuan kepada ibu yang menyusukan serta pelbagai lagi aspek hukum yang menjadi permasalahan dalam penyusuan ini. Malah turut melibatkan isu-isu yang berbangkit seperti penyusuan di tempat awam (*nursing in public*) dan derma susu.

## 2. Pernyataan Masalah

Penyusuan adalah antara tajuk perbahasan dalam pengajian *fiqh al-ahwal al-syakhsyiyah* atau *fiqh al-usrah* atau *fiqh al-munakahat*. Lazimnya mengandungi bab perkahwinan, perceraian dan hak-hak anak yang termasuk di dalamnya nasab, penyusuan dan *hadanah* (al-Zuhayli, 1989). Bagaimanapun, persoalan berkaitan hukum penyusuan jarang menjadi fokus kajian dalam undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan berbanding dengan *hadanah*.

Perkembangan isu terkini berkaitan dengan penyusuan di tempat awam (*nursing in public*) seperti berswafoto semasa menyusu adalah bertentangan dengan adab penyusuan dalam Islam telah menimbulkan persoalan tentang kesedaran masyarakat Islam dalam topik ini. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja menumpukan kepada aspek hukum tetapi juga memberi fokus kepada aspek akhlak dan adab semasa penyusuan. Kajian juga turut meneliti kesedaran masyarakat berkaitan hukum derma susu kerana pengetahuan yang jelas dari sudut hukum

syarak adalah perlu bagi memelihara tuntutan *maqasid syariah* iaitu penjagaan keturunan dan maruah (*hifz al-nasl*) di samping aspek jaminan hak anak-anak.

Kajian ini dijalankan dengan mengambil sampel masyarakat Islam dari kalangan lelaki dan wanita yang tinggal di negeri Selangor sama ada yang bujang mahupun yang sudah berkahwin sangat sesuai memandangkan mereka mempunyai latar belakang pendidikan dan sosial yang pelbagai. Ini mengambilkira bahawa isu penyusuan hari ini timbul dalam kalangan ibu-ibu yang bekerjaya bagi memenuhi tanggungjawab terhadap anak dan tuntutan tugas. Justeru pemahaman yang sahih dalam isu ini perlu kepada kedua-dua pihak ibu dan bapa terutamanya agar hak anak ini dapat dipenuhi.

Oleh kerana penulisan dan kajian di Malaysia hanya bertumpu kepada pelaksanaan penyusuan susu ibu menurut Islam secara teorinya sahaja dan tidak terdapat bukti yang khusus daripada dapatan kajian yang menunjukkan kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum penyusuan justeru, kajian ini memfokuskan kepada responden dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Selangor.

### **3. Sorotan literatur**

Terdapat beberapa kajian lapangan di Malaysia berkaitan penyusuan susu ibu seperti dalam kalangan jururawat, suri rumah atau kepada para ibu secara umumnya dan ahli akademik (Normadiah Daud et al, 2015). Namun tiada lagi kajian berkaitan kesedaran masyarakat Islam tentang hukum-hukum penyusuan menurut Islam (Tengku Alina Tengku Ismail et al, 2009).

Di samping itu juga, kajian berkenaan susu ibu menurut perspektif Islam oleh sarjana semasa secara umumnya telah dijelaskan oleh Ayu Aima Yusuf (2002) di dalam bukunya *Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam*. Buku ini memberi gambaran yang komprehensif berkaitan dengan keistimewaan susu ibu daripada pelbagai sudut. Normadiah Daud dan Siti Fatimah Salleh (2009) pula telah menjelaskan dengan agak terperinci tentang penyusuan oleh wanita bekerjaya dalam proses pembangunan modal insan.

Danial Zainal Abidin (2010) juga ada menulis di dalam bukunya tentang kelebihan susu ibu menurut perspektif al-Qur'an. Beliau mendedahkan tentang persamaan dapatan kajian yang dinyatakan oleh ahli sains pada hari ini dengan ayat-ayat al-Qur'an berkenaan susu ibu. Manakala di luar negara seperti Amerika Syarikat, Ihsan Dogramasi (2013) dalam Normadiah Daud et al (2015) pernah membuat kajian terhadap penyusuan susu ibu dalam kalangan orang Islam. Namun, beliau juga tidak mengkaji kesedaran mereka berkenaan hukum-hukum penyusuan.

Kesedaran mengenai kepentingan penyusuan kini semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Hal ini amat berbeza jika dibandingkan dengan zaman di mana tahap kesihatan bukan menjadi suatu yang dibahaskan secara saintifik. Pada masa dahulu, isu-isu berbangkit tidak berlaku kerana masyarakat pada ketika itu masih menjaga ibu susuan dan anak yang disusui. Berbanding dengan masa sekarang, pelbagai isu timbul kerana tahap kesedaran terhadap kesihatan bayi yang disusui meningkat.

#### **3.1 Derma Susu**

Di barat aktiviti pendermaan susu menjadi tren di kalangan ibu-ibu yang mempunyai masalah lebihan susu badan. Seseengah ibu memilih untuk tidak mendermakan susu kerana tempoh berkabung, manakala sekelompok ibu yang lain berusaha untuk mendermakan susu mereka kerana sedar akan kepentingan susu badan kepada bayi sama ada mereka masih mempunyai bayi ataupun kehilangan bayi akibat kematian pramatang.

Di Australia, kempen pendermaan susu ibu menjadi perbincangan hangat antara penggubal polisi. Hal ini kerana berlaku percanggahan di antara nilai aspek kemanusiaan iaitu menghormati ibu yang sedang berkahwin akibat kematian bayi dengan aspek kesihatan iaitu susu ibu yang sangat bernilai. Namun begitu, pembuat dasar merumuskan bahawa susu ibu yang kematian bayi adalah amat bernilai tetapi pada masa yang sama perlu menghormati ibu yang sedang berkahwin akibat kematian anak (Carroll Katherine et al, 2014).

Kerajaan Australia memutuskan untuk menubuhkan bank susu dengan tujuan penyimpanan secara sistematik apabila stok simpanan susu yang diterima semakin banyak. Fenomena tersebut berlaku kerana pada masa tersebut susu tiruan dan susu formula masih lagi tidak diformulasi secara besar-besaran (Jording, 2006).

Selain itu isu yang berbangkit dalam fenomena pendermaan susu adalah tahap kesihatan para ibu yang menderma susu. Hal ini dikhuatiri ibu yang menderma susu terdiri daripada pesakit yang mempunyai penyakit *AIDS*, *HIV*, *Sifilis*, *Hepatitis B* serta lain-lain penyakit berbahaya. Kajian yang dijalankan di California oleh Ronald S Cohen et al (2010) menunjukkan bahawa 33% ibu yang menderma susu mempunyai *HIV* positif. Malah hanya 3% daripada penderma susu yang disaring daripada aspek kesihatan yang ketat dikelompokkan sebagai penderma yang berisiko rendah, selebihnya digolongkan sebagai penderma berisiko tinggi. Oleh itu beliau dalam kajiannya mencadangkan supaya aspek saringan pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan dengan lebih teliti bagi memastikan bekalan susu yang diterima terdiri daripada susu yang benar-benar bersih daripada sebarang agen patogen dan bakteria berbahaya.

Isu pendermaan susu atau bank susu juga dibahaskan dalam kalangan sarjana Islam. Umumnya, Islam menggalakkan pendermaan susu sebagai satu manfaat untuk ummah kerana kematian bayi pramatang akibat kekurangan susu memberi kemudahan yang besar berbanding pengumpulan susu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa garis panduan yang perlu disediakan dan diberikan perhatian teliti pihak bertanggungjawab. Hal ini adalah kerana susu yang diberikan akan menjadi darah daging kepada bayi.

Kajian yang dijalankan oleh Noraida Ramli et al (2010) mengesyorkan bahawa setiap penderma dan bayi yang mendapat susu tersebut harus direkodkan secara teliti. Seterusnya pihak yang menderma susu serta ibu bapa bayi yang mendapat susu melalui bank susuan perlu dimaklumkan dan diberikan maklumat secara terperinci. Di samping itu, kajian mereka mengesyorkan seorang bayi hanya mendapat susu daripada satu sumber sahaja untuk mengelakkan percampuran dua ibu susuan atau lebih. Ini bertujuan mengurangkan risiko bayi susuan daripada ibu yang sama. Amalan ini bersesuaian dengan konsep *fiqh dharurat* dalam Islam yang didasarkan kepada konsep *dharuriyat al-khams* yang memberi keutamaan kepada agama, jiwa, akal, harta dan keturunan. Justeru, mengelakkan kematian bayi termasuk dalam menjaga darurat kehilangan jiwa. Oleh itu, pemberian susu yang bukan daripada susu badan ibu adalah diharuskan (Irwan Mohd Subri, 2016).

Manakala hasil kajian yang dijalankan di Turki bagi melihat pandangan sarjana mengenai hukum penubuhan bank susu mendapati ia sejajar dengan hukum syarak yang menjaga nyawa manusia. Oleh itu, Turki bersedia dalam menubuhkan bank susu sekiranya keadaan darurat menyebabkan bekalan susu sukar diperolehi berdasarkan beberapa peraturan tertentu bagi memastikan ia selari dengan kehendak dan tuntutan *maqasid syariah* bagi menjaga nasab manusia (R Ozdemir Mak, 2015).

### **3.2 Penyusuan di Tempat Awam (Nursing in Public)**

Kesedaran mengenai kepentingan penyusuan kepada bayi kini dibahaskan bukan sahaja oleh masyarakat setempat bahkan turut berlegar di media massa. Terdapat laman web yang khusus membincangkan mengenai penyusuan bayi. Kajian yang dijalankan oleh Sarah A. Keim et al

(2014) mendedahkan bahawa laman web tersebut berkongsi mengenai ibu susuan, prosedur untuk mengambil susu serta langkah teliti dalam memastikan susu tidak tercemar. Malaysia juga tidak terkecuali membincangkan isu ini dalam media sosial. Berkongsi pengalaman bukanlah isunya. Apa yang menjadi isu adalah apabila para ibu berswafoto semasa sedang menyusukan bayi dan memuatnaik gambar tersebut di media sosial untuk tatapan awam (Rahmad Bah, 2016).

Islam mengiktiraf hak ibu dan hak anak terhadap penyusuan, tetapi perlulah mengikut lunas-lunas syarak. Isu sebenar di sini adalah isu pendedahan aurat yang mana adalah haram untuk tontonan umum. Islam tidak melarang seseorang ibu menyusukan anak di tempat awam selagi tidak mendedahkan aurat (Asmak Husin, 2016). Menyusukan anak di khalayak hukumnya harus dengan syarat aurat si ibu tertutup dan terpelihara. Selagi si ibu memenuhi syarat yang utama ini, maka tiada masalah untuk si ibu menyusukan anak di mana pun mereka berada (Jamilah Mokter, 2016).

Secara umumnya, masyarakat hari ini lebih mudah menerima dan tidak memandang serong kepada wanita yang menyusukan anak di khalayak, tetapi harus dilakukan dengan cara yang tidak mendedahkan aurat. Walaupun gambar tersebut menutup aurat, isu yang timbul adalah isu adab dan maruah selaras dengan hadith:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ عُمَةَ بْنِ عَمْرِو الْأَنْصَارِيِّ الْبَدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ إِذَا لَمْ تَسْتَحِي فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ)) - رواه البخاري.

Maksudnya: “Daripada Abu Mas'ud 'Uqbah ibn 'Amru al-Ansarie al-Badrie r.a. beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: Sesungguhnya antara kata-kata ungkapan ungkapan kenabian terdahulu yang dapat diketahui dan dipetik oleh manusia ialah: Jika engkau tidak malu, maka lakukanlah apa sahaja yang engkau mahu.”

Riwayat al-Imam al-Bukhari

Bahkan pelbagai inisiatif diadakan untuk memudahkan pelaksanaan penyusuan susu ibu. Antaranya menyediakan tempat penyusuan khas yang selesa dan sesuai tempat-tempat awam selain terdapat juga banyak inovasi produk baharu untuk kemudahan para ibu menyusukan anak di tempat awam. Ini selaras dengan syor isteri perdana menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansur semasa merasmikan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2015 (Bernama, 25 Ogos 2015).

Walaupun penyusuan anak adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam tetapi menghormati hak orang lain dalam masyarakat juga adalah satu tuntutan dalam agama. Dalam hal ini, hak-hak individu dalam masyarakat hendaklah diseimbangkan. Justeru, Islam menekankan prinsip akhlak dalam penyusuan dan menitikberatkan hak dan kewajipan seluruh ahli keluarga meliputi hak ibu, bapa dan anak. Ini bagi memastikan penyusuan dapat menjamin *maqasid syariah* dalam aspek keturunan. Oleh itu, kajian kesedaran masyarakat sangat penting dalam memahami isu-isu semasa berkaitan penyusuan.

#### 4. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada orang awam. Menurut Kerlinger (1973) soal selidik adalah merupakan salah satu cara untuk mendapatkan jawapan kepada soalan penyelidikan. Babbie (2001) pula berpendapat instrumen boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh

dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik. Situasi ini memberi ruang yang agak selesa, tenang dan telus kepada responden untuk menjawab soalan. Penyelidik akan menilai secara kuantitatif, melalui pendedaran instrumen kajian (soal selidik) secara rawak kepada sejumlah responden.

#### 4.1 Lokasi Kajian

Penyelidik telah memilih negeri Selangor sebagai lokasi kajian. Lokasi ini kemudiannya dibahagikan kepada daerah mengikut zon utara, tengah dan selatan. Bagi zon utara, penyelidik memilih daerah Hulu Selangor. Bagi zon tengah, penyelidik memilih daerah Klang. Manakala daerah Sepang dipilih untuk mewakili zon selatan. Pemilihan lokasi ini bertepatan dengan pendapat Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk ditimbang dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakbiasaan (*unfamiliarity*), sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Pemilihan lokasi ini adalah melibatkan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama dalam pengumpulan data.

#### 4.2 Populasi, Sampel Kajian dan Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al, 1996). Melalui kaedah ini juga penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine, 1992).

Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapati jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar. Jadual pemilihan sampel adalah seperti berikut:

**JADUAL 1: Persampelan Krejcie Morgan berdasarkan populasi**

TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION									
N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size  
 "S" is sample size.]

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities", Educational and Psychological Measurement, 1970.

**JADUAL 2: Pensampelan Kajian Sebenar**

Bil.	Lokasi Populasi	Persampelan	
1	Zon Utara – Hulu Selangor	198,132 penduduk	100 sampel
2	Zon Tengah – Klang	861,189 penduduk	200 sampel
3	Zon Selatan – Sepang	211,361 penduduk	100 sampel

#### **4.3 Prosedur Pengumpulan Data**

Secara umumnya, data dalam kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif. Instrumen yang dibentuk bagi mengumpulkan data yang diperlukan ialah melalui pengedaran borang soal selidik. Set soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian; iaitu Bahagian A: Maklumat diri, Bahagian B: Kesedaran berkaitan hukum-hukum penyusuan, dan Bahagian C: Kesedaran mengenai isu-isu semasa berkaitan penyusuan. Bagaimanapun kertas ini hanya menumpukan kepada bahagian C sahaja.

#### **4.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah satu set soal selidik. Tatacara pengumpulan data adalah dengan pelantikan seorang pembantu penyelidik. Instrumen kajian telah dibina oleh penyelidik dengan pengesahan pakar dalam bidang. Ia kemudiannya diuji melalui ujian rintis kepada sekumpulan responden seramai 39 orang.

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang akan digunakan sebagai alat kajian ini. Menerusi kajian rintis maklumbalas yang diberikan responden membantu memperbaiki mutu soalan kaji selidik. Misalnya, dapat mengelakkan pernyataan yang bertindan serta menggunakan gaya bahasa yang mengelirukan. Kajian rintis juga dijalankan untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu dan meningkatkan kesahan dalam instrumen kajian (Chua Yan Paw 2006). Oleh itu data yang dikumpulkan daripada sampel rintis diproses untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Seterusnya data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang ralat (*outliers*) yang mengganggu.

Ujian kebolehpercayaan (*reliability test*) pekali alfa atau *Cronbach Alpha* telah dijalankan terhadap data soal selidik. Ujian kebolehpercayaan ini dilakukan untuk mengetahui kebolehpercayaan dengan mengukur konsistensi dalaman dengan cara mengelompok item dalam soal selidik yang mengukur konstruk yang sama. Nilai *Cronbach Alpha* yang tinggi menunjukkan kelompok item tersebut menilai konstruk yang sama manakala nilai koefisien yang rendah menunjukkan kurang keseragaman antara item dalam menilai sesuatu konstruk (Othman Talib, 2013).

Setelah analisis dibuat, didapati nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi item daripada soalan-soalan di Bahagian C adalah 0.773. Menurut Mohd Majid Konting (2004), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.70 adalah baik dan boleh digunakan. Menurut Lim Chong Hin (2007), secara umumnya, panduan kasar dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3: Tahap kebolehpercayaan – rintis**

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80-0.89	Baik
0.60-0.79	Sederhana
0.40-0.59	Diragui
0.00-0.39	Ditolak

Maka nilai *Cronbach Alpha* 0.773 yang telah diperoleh bagi kajian ini menjadi tanda aras bahawa kajian ini adalah baik dan layak diterima.

Mohd Najib (2003) juga menyatakan soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan bersamaan atau melebihi 0.6 boleh digunakan sebagai item pengukuran dalam kajian berdasarkan jadual 3 di bawah:

**JADUAL 4: Nilai *Alpha Cronbach* dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran**

Nilai <i>Alpha Cronbach</i> ( $\alpha$ )	Kebolehpercayaan
Kurang daripada 0.6	Lemah
0.6 hingga 0.8	Boleh diterima
Lebih daripada 0.8	Baik

Sumber: Mohamad Najib (2003)

#### 4.5 *Prosedur Penganalisan Data*

Data yang dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif. Data yang dikumpul daripada borang soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 22. Bagi mendapat analisis deskriptif, ujian skala *likert* lima mata telah dijalankan dengan diberi nilai 1 hingga 5 di mana 1= sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju. Responden diminta untuk menandakan salah satu nombor untuk menunjukkan persetujuan mereka terhadap pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan perisian. Jadual 5 menunjukkan darjah persetujuan mereka bagi item-item tersebut di mana jadual ini akan dijadikan panduan untuk menganalisis darjah tahap kesedaran masyarakat Islam.

**JADUAL 5: Darjah Persetujuan Responden**

Skor	Darjah Persetujuan
5	Sangat setuju (SS)
4	Setuju (S)
3	Tidak Pasti (TP)
2	Tidak setuju (TS)
1	Sangat tidak setuju (STS)

Sumber : Ahmad Mahdzan (1997)

Penyelidik menggunakan interpretasi skor Jamil Ahmad (1993) di mana skor min antara 1.00 hingga 2.33 adalah merujuk kepada tahap persetujuan yang rendah, skor 2.34



hingga 3.66 menunjukkan persetujuan yang sederhana manakala skor 3.67 hingga 5.00 pula menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi.

**JADUAL 6: Interpretasi Skor Min Terhadap Tahap Kesedaran Masyarakat Islam Berkaitan Hukum-hukum Penyusuan**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

## 5. Dapatan Kajian

Sebanyak 400 set borang soal selidik telah diedarkan dan dianalisa. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum penyusuan dan isu-isu berkaitan. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 22.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap kesedaran masyarakat Islam.

### 5.1 Analisis Dapatan

Jadual 7 menunjukkan tentang kesedaran mengenai derma susu. Derma susu dibolehkan dalam Islam (Min = 3.77, SP = 0.99), seorang bayi dibolehkan menyusu daripada seorang ibu susuan sahaja (Min = 2.88, SP = 1.10), pemberian susu formula diharuskan (Min = 3.69, SP = 0.98), isteri boleh mendermakan susu tanpa kebenaran suami (Min = 2.42, SP = 1.05).

Saya bersedia menerima air susu yang didemakan kepada anak saya (Min = 3.11, SP = 1.04), saya mengambil berat tentang sumber susu yang didermakan kepada anak saya (Min = 3.98, SP = 1.07), orang Islam boleh menerima susu yang didermakan oleh orang yang bukan Islam (Min = 2.73, SP = 1.17), dan seorang yang bukan Islam boleh menerima susu yang didermakan oleh orang Islam (Min = 3.52, SP = 1.07).

**JADUAL 7: C1 – Kesedaran mengenai derma susu**

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
Derma susu dibolehkan dalam Islam	6 (1.5)	33 (8.3)	120 (30.0)	128 (32.0)	113 (28.3)	3.77 (0.99)
Bayi boleh menyusu daripada seorang ibu susuan sahaja	62 (15.5)	58 (14.5)	173 (43.3)	80 (20.0)	27 (6.8)	2.88 (1.10)
Pemberian susu formula diharuskan dalam Islam	11 (2.8)	36 (9.0)	100 (25.0)	170 (42.5)	83 (20.8)	3.69 (0.98)
Isteri boleh mendermakan susu tanpa kebenaran suami	102 (25.5)	88 (22.0)	163 (40.8)	34 (8.5)	13 (3.3)	2.42 (1.05)
Saya bersedia menerima susu yang didemakan	28 (7.0)	73 (18.3)	162 (40.5)	98 (24.5)	39 (9.8)	3.11 (1.04)
Saya ambil berat sumber susu yg didermakan kepada anak	15 (3.8)	21 (5.3)	81 (20.3)	121 (30.3)	162 (40.5)	3.98 (1.07)
Orang Islam boleh terima susu daripada non-Muslim	78 (19.5)	69 (17.3)	177 (44.3)	34 (8.5)	42 (10.5)	2.73 (1.17)
Non-Muslim boleh terima susu orang Islam	23 (5.8)	20 (5.0)	172 (43.0)	94 (23.5)	91 (22.8)	3.52 (1.07)

<b>Jumlah</b>	<b>400</b>	<b>3.26</b>
---------------	------------	-------------

Jadual 8 menunjukkan data tentang kesedaran mengenai *nursing in public*. *Nursing in public* diharuskan dalam Islam (Min = 2.78, SP = 1.26), kemudahan *nursing room* mencukupi di tempat-tempat awam (Min = 3.07, SP = 1.30), berswafoto (*selfie*) ketika menyusu di tempat awam dibenarkan oleh Islam (Min = 1.78, SP = 1.13), isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam (Min = 4.42, SP = 0.94), dan menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan (Min = 3.65, SP = 1.23).

**JADUAL 8: C2 – Kesedaran mengenai *nursing in public***

Item	Kekerapan & Peratus					Min & SP
	STS	TS	TP	S	SS	
<i>Nursing in public</i> diharuskan dalam Islam	102 (25.5)	33 (8.3)	147 (36.8)	85 (21.3)	33 (8.3)	2.78 (1.26)
Kemudahan <i>nursing room</i> mencukupi di tempat awam	56 (14.0)	83 (20.8)	107 (26.8)	82 (20.5)	72 (18.0)	3.07 (1.30)
<i>Selfie</i> ketika menyusu di tempat awam dibenarkan oleh Islam	237 (59.3)	65 (16.3)	65 (16.3)	14 (3.5)	19 (4.8)	1.78 (1.13)
Isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam	6 (1.5)	17 (4.3)	44 (11.0)	68 (17.0)	265 (66.3)	4.42 (0.94)
Menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan	26 (6.5)	50 (12.5)	92 (23.0)	102 (25.5)	130 (32.5)	3.65 (1.23)
<b>Jumlah</b>					<b>400</b>	<b>3.14</b>

Secara umumnya, masyarakat Islam mempunyai tahap kesedaran yang sederhana berkaitan isu-isu berkaitan penyusuan dengan min keseluruhan 3.20. Ini dapat diperhatikan melalui data yang diterima daripada soal selidik yang diberikan kepada responden sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 9. Hasil analisis data yang diperolehi menggambarkan bahawa perlunya lebih pendedahan mengenai isu-isu semasa berkaitan penyusuan.

**JADUAL 9 : Min Keseluruhan Tahap Kesedaran Masyarakat Islam Berkaitan Isu-Isu Semasa Penyusuan**

Konstruk	Min
C1	3.26
C2	3.14
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.20</b>

Kajian yang telah dijalankan menghasilkan dapatan-dapatan yang menjawab permasalahan dan persoalan kajian yang telah dikemukakan yang memerlukan penelitian dan pemerhatian lanjut serta tindakan-tindakan susulan.

## 6. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan masyarakat Islam di Selangor mempunyai kesedaran yang sederhana berkaitan isu-isu semasa dalam penyusuan berkaitan derma susu dan adab semasa penyusuan khususnya di tempat awam dengan purata nilai min 3.14 – 3.26.

### **6.1 Kesedaran berkaitan derma susu**

Hasil dapatan item berkenaan kesedaran hukum derma susu mencatatkan varian yang berbeza. 1. derma susu dibolehkan dalam Islam (S: 128 – 32%), 2. bayi boleh menyusu daripada seorang ibu susuan sahaja (TP: 173 – 43.3%), 3. pemberian susu formula diharuskan dalam Islam (S: 170 – 42.5%), 4. isteri boleh mendermakan susu tanpa kebenaran suami (TP: 163 – 40.8%), 5. saya bersedia menerima susu yang didemakan (TP: 162 – 40.5%), 6. saya mengambil berat sumber susu yang didermakan kepada anak saya (SS: 162 – 40.5%), 7. orang Islam boleh menerima susu daripada orang bukan Islam (TP: 177 – 44.3%), 8. orang bukan Islam boleh menerima susu daripada orang Islam (TP: 172 – 43%)

Walau bagaimanapun, majoriti iaitu 6 daripada 8 item jawapan responden menunjukkan tahap ketidakpastian yang tinggi berkaitan hukum derma susu. Sebagai contoh, 44.3% menjawab tidak pasti tentang hukum menerima susu daripada orang bukan Islam. Oleh itu masyarakat Islam perlu diberikan kesedaran tentang hukum-hukum isu semasa khususnya berkaitan derma susu.

### **6.2 Kesedaran berkaitan penyusuan di tempat awam (*nursing in public*)**

Dapatan item-item kategori ini juga menunjukkan hasil yang berbeza. 1. *nursing in public* diharuskan dalam Islam (TP: 147 – 36.8%), 2. kemudahan *nursing room* mencukupi di tempat awam (TP: 107 – 26.8%), 3. Berswafoto (*selfie*) ketika menyusu di tempat awam dibenarkan oleh Islam (STS: 237 – 59.3%), 4. isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam (SS: 265 – 66.3%), dan 5. menyusukan anak di tempat awam adalah tidak sopan (SS: 130 – 32.5%).

Pada asasnya, responden mengakui penyusuan perlu dibuat secara beradab di tempat awam. Contohnya, 59.3% sangat bersetuju supaya tidak berswafoto ketika menyusu di tempat awam. Walaupun majoriti iaitu 66.3% menyatakan isteri perlu menjaga aurat ketika menyusukan anak di tempat awam, tetapi 36.8% tidak pasti tentang hukum *nursing in public*. Oleh itu, semua pihak perlu bertanggungjawab dan mengambil inisiatif menyediakan tempat penyusuan yang sesuai dan selesa untuk ibu-ibu menyusu bagi menjaga adab dan maruah mereka.

## **7. Kesimpulan**

Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai kesedaran dengan tahap memuaskan berkaitan hukum pendermaan susu dan adab semasa penyusuan khususnya di tempat awam. Justeru semua pihak perlu meningkatkan kesedaran masyarakat Islam terutamanya berkaitan dengan isu-isu semasa yang berkaitan dengan penyusuan sama ada dalam bentuk kajian lanjutan, penerbitan penulisan dan pengisian ilmu kepada pelbagai peringkat masyarakat dalam pelbagai media sama ada media cetak atau melalui media sosial.

## **Rujukan**

- Abdullah Basmeih. 1963. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an* 30  
*juzuk Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Dar al-Kitab Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1997. *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*. Ed.2. Kuala Lumpur:  
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to Research in Education*. Orlando,  
Florida: Harcourt Brace College Publishers.

- Asmak Husin, 2016. Boleh susukan anak di tempat awam. 17 Ogos 2017, dari [www.pum.org.my](http://www.pum.org.my).
- Ayu Aima Yusuf. 2002. *Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Babbie, E. R. 2001. *The Practise of Social Research*. USA: Thompson Learning.
- Berenson, M. L. & Levine, D. M. 1992. *Basic Business Statistics: Concepts and Applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Bernamea, 2015. Wujudkan kemudahan penyusuan susu ibu di tempat awam – Rosmah. 17 Ogos 2017 dari [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).
- Carroll Katherine, Bryden S Lenne, Kerri Mcgan. 2014. Breast milk donation after neonatal death in Australia: a report. *International Breastfeeding Journal* 9(23). London: BioMed Central.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Chong Hin Lin. 2007. *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Danial Zainal Abidin. 2010. *Qur'an Saitifik: Meneroka Kecemerlangan Qur'an daripada Teropong Sains*. Kuala Lumpur: PTS Millenia
- Irwan Mohd Subri. 2016. Pencegahan penyakit melalui kaedah pelalian menurut perspektif Islam. *Jurnal Ulum Islamiyyah* 17. 57 – 77. Nilai: USIM Press
- Jamil Ahmad. 1993. Tinjauan Kekangan-kekangan dalam Pelaksanaan Sains KBSM di Sekolah-sekolah Menengah di negeri Kedah Darul Amal. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamilah Mokter. 2106. Wajarkah menyusukan anak di khalayak? 17 Ogos 2017. dari [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)
- Krejeic, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30. 607-610. California: Sage Journal US
- Kerlinger, Fred N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. 2nd Ed. New York: Rinchart and Winston.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. 2003. *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: UTM.
- Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke- 5. New York: Pearson Education Inc.
- Noraida Ramli, Nor Roshidah Ibrahim, Van Rostenberghe Han. 2010. Human milk banks – the benefits and issues in an Islamic setting. *Eastern Journal of Medicine* 15. 163 – 167. Turki: Yuzuncu Yil University
- Normadiah Daud, Siti Fatimah Salleh. 2009. Peranan susu ibu dalam pembangunan modal insan: satu sorotan kepada wanita bekerjaya. *Jurnal al-Sirat KIPSAS* 8(10). 180 – 197. Kuala Lumpur: Percetakan Tabah
- Normadiah Daud, Nadhirah Nordin, Mariam Nabilah Mohd Noor. 2015. Kefahaman ahli akademik IPTA Kuala Terengganu terhadap konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam. *E-Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (10). 2 – 18.
- Othman Talib. 2013. *Asas Penyelidikan, Penerbitan Tesis dan Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. 2004. *Al-Jami' li ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- R Ozdemir Mak, M Karatas A Ozer DG Dogan, A Karadag. 2015. Human milk banking and milk kinship: perspectives of religious officers in a Muslim country. *Journal of Perinatology* 35. 137–141. New York: Springer Nature.
- Rahmad Bah. 2016. Viral: Kes Selfie Menyusu Anak dan Memuatnaik di Laman Sosial. 17 Ogos 2017, dari <http://www.rahmadgraphic.my/2016/01/viral-kes-selfiemenyusu-anak-dan.html>
- Ronald S Cohen, Sean C Xiong, Pauline Sakamoto. 2010. Retrospective review of serological of potential human milk donors. *Arch Dis Child Fetal Neonatal* 95. 118–120. London: Royal College of Paediatrics and Child Health
- Roslyn L Jording. 2006. A review of human milk banking and public health policy in Australia. *Breastfeeding Review* 14(3) 21–30. Melbourne: Australian Breastfeeding Association
- Sarah A. Keim, Kelly A. McNamara, Chenali M. Jayadeva, Ashlea C, Braun Chelsea, E. Dillon, Sheela R. Geraghty. 2014. Breast milk sharing via the internet: the practice and health and safety considerations. *Matern Child Health Journal* 18(1). 1471 – 1479. New York: Springer Science & Business Media.
- Sekaran, Uma. 2003. *Research Methods for Business*. Ed. Ke- 4. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Perkhidmatan Percetakan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Ed. Ke- 7. Kaherah: Dar al-Fikr